

PM lancar Bulan Kemerdekaan 12 Ogos

UM : KHAMIS 21/6/2007

KUALA LUMPUR 20 Jun - Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-50 akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Melaka pada 12 Ogos ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, majlis pelancaran akan lebih menumpukan kepada suasana sebenar sewaktu Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj tiba di Melaka untuk mengumumkan kemerdekaan negara pada 1957.

"Selepas majlis pelancaran Bulan Kemerdekaan, pelbagai pengisian program sudah diatur antaranya ceramah kemerdekaan di semua peringkat sebelum acara kemuncak seperti Ambang Kemerdekaan dan majlis sambutan pada 31 Ogos kelak," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis

Makan Malam dan penyampaian cek bernilai RM30,000 kepada 217 kawasan parlimen di sini, malam ini.

Peruntukan itu disediakan bagi membolehkan wakil rakyat di kawasan Parlimen masing-masing menganjurkan pelbagai program bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan.

Ia disalurkan melalui kementerian berkenaan yang merupakan Pengerusi Pandu Program sempena Hari Kemerdekaan pada tahun ini.

Menurutnya, sambutan Bulan Kemerdekaan tahun ini agak luar biasa kerana kemeriahan bukan sahaja berbentuk hiburan tetapi juga menyeluruh kepada program perpaduan seperti acara gotong-rojong besar-besaran.

"Kita juga berbangga kerana pihak korporat tidak ketinggalan turut serta menayakan acara sambutan ini" katanya.